

**Tidak Salah Doa Untuk Jatuhkan Umno, BN - Nik Aziz
Bernama
18 November, 2012**

KOTA BAHARU, 18 Nov (Bernama) -- Tindakan PAS yang mendoakan kehancuran Umno dan Barisan Nasional (BN) mendapat restu Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang bertegas tindakan membaca doa sedemikian tidak salah dan dibolehkan dalam Islam.

Nik Abdul Aziz berkata doa seperti itu boleh dibacakan kerana mendakwa Umno sendiri telah memperlekehkan Islam selama ini.

"Tak salah doa macam itu. Umno pun dah tolak Islam, nak mulia di mana lagi," katanya ringkas sewaktu ditemui pemberita pada akhir Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-58 di sini Ahad.

Beliau mengulas tindakan PAS yang mengadakan solat hajat dan berdoa supaya Umno hancur, di Stadium Sultan Muhammad IV pada Jumaat malam lepas yang dipimpin adik kepada Mursyidul Am PAS itu, Nik Razi Nik Mat sempena perhimpunan anjuran parti pembangkang itu.

Antara kandungan doa itu ialah meminta Umno dan BN dijahanamkan seperti Firaun ditenggelamkan ke laut, Qarun ditelan bumi dan Namrud serta Abu Lahab dilaknati dan dipermudahkan pembangkang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709704>